



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jthem.com



**ANALISIS CABARAN PELAKSANAAN KONSEP
PELANCONGAN MESRA MUSLIM DI SABAH: IMPLIKASI
TERHADAP PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN**

*ANALYSIS OF THE CHALLENGES IN IMPLEMENTING THE MUSLIM-
FRIENDLY TOURISM CONCEPT IN SABAH: IMPLICATIONS FOR THE
DEVELOPMENT OF THE TOURISM INDUSTRY*

Nur Ilma Ambo^{1*}, Nor Surilawana Sulaiman², Suhailah Abd. Muin³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurilma@ums.edu.my

² Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kampus Sinaut, Tutong, Brunei Darussalam
Email: surilawana.sulaiman@unissa.edu.bn

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: drsuhailah@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 28.05.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Ambo, N. I., Sulaiman, N. S., & Muin, S. A. (2025). Analisis Cabaran Pelaksanaan Konsep Pelancongan Mesra Muslim Di Sabah: Implikasi Terhadap Pembangunan Industri Pelancongan. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 10 (40), 274-287.

DOI: 10.35631/JTHER.1040017.

Abstrak:

Pelancongan mesra Muslim merupakan segmen penting dalam industri pelancongan global yang berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi destinasi pelancongan. Malaysia, khususnya Sabah, mempunyai peluang besar untuk memanfaatkan potensi ini melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelancong Muslim. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan dan cabaran pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah serta implikasinya terhadap pembangunan industri pelancongan. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis dokumentasi untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan seperti kekurangan kemudahan asas, kekangan modal, serta ketiadaan garis panduan khusus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran pengusaha pelancongan terhadap konsep mesra Muslim masih rendah, manakala polisi dan peraturan sedia ada belum diselaraskan dengan keperluan tempatan. Kajian ini mencadangkan penambahbaikan dalam aspek pemantapan polisi, peningkatan kesedaran, dan kerjasama strategik antara kerajaan, pengusaha, dan NGO. Penyelidikan masa depan disarankan untuk menilai impak ekonomi pelancongan mesra Muslim dan penggunaan teknologi digital dalam memperkukuh daya saing destinasi pelancongan mesra Muslim di Sabah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Pelancongan Mesra Muslim, Cabaran Pelaksanaan, Polisi Pelancongan, Sabah, Industri Pelancongan.

Abstract:

Muslim-friendly tourism is an important segment in the global tourism industry that has the potential to contribute to the economic growth of tourist destinations. Malaysia, particularly Sabah, has a tremendous opportunity to harness this potential by providing facilities and services that meet the needs of Muslim tourists. This study aims to analyse the needs and challenges of implementing the Muslim-friendly tourism concept in Sabah and its implications for the development of the tourism industry. A qualitative approach was used through document analysis to identify the challenges faced by stakeholders, such as the lack of basic facilities, capital constraints, and the absence of specific guidelines. The study findings indicate that the level of awareness among tourism operators regarding the Muslim-friendly concept is still low, while existing policies and regulations have not yet been aligned with local needs. This study suggests improvements in the aspects of policy strengthening, awareness enhancement, and strategic cooperation between the government, operators, and NGOs. Future research is recommended to assess the economic impact of Muslim-friendly tourism and the use of digital technology in enhancing the competitiveness of Muslim-friendly tourism destinations in Sabah.

Keywords:

Muslim-Friendly Tourism, Implementation Challenges, Tourism Policy, Sabah, Tourism Industry

Pengenalan

Industri pelancongan mesra Muslim semakin mendapat perhatian di peringkat global seiring dengan pertambahan signifikan pelancong Muslim yang mementingkan perkhidmatan dan kemudahan yang menepati prinsip Syariah. Ini dapat dibuktikan menerusi laporan daripada *Global Muslim Travel Index (GMTI) 2023*, jumlah pelancong Muslim dijangka mencecah 230 juta menjelang tahun 2028, dengan nilai pasaran melebihi USD 225 bilion. Keperluan ini mendorong kepada perkembangan pesat sektor pelancongan halal yang tidak hanya tertumpu kepada penyediaan makanan halal, tetapi juga merangkumi kemudahan solat, penginapan patuh syariah, aktiviti riadah yang tidak bercanggah dengan hukum Islam, serta pengalaman pelancongan beretika. Kini, pelbagai negara berlumba-lumba untuk membangunkan pelancongan mesra Muslim sebagai satu strategi meningkatkan daya saing destinasi mereka. Dalam pada itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang telah diiktiraf sebagai destinasi pelancongan halal terkemuka dunia kerana keupayaannya menyediakan rangkaian perkhidmatan pelancongan mesra Muslim yang komprehensif (Norhidayah Pauzi & Saadan Man, 2019; Hafiz M. Ahmed, 2024). Walau bagaimanapun, pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim masih berdepan dengan pelbagai cabaran bukan sahaja di negara membangun, malah turut dirasai dalam konteks Malaysia sendiri.

Manakala di peringkat domestik, negeri Sabah merupakan antara destinasi pelancongan utama negara. Statistik pelancongan menunjukkan bahawa jumlah ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa ke Sabah melebihi 1 juta orang dalam tempoh enam bulan pertama bagi tahun 2025. Perkara ini secara langsung mencerminkan tren pertumbuhan yang positif dan konsisten (*Sabah Tourism Board*, 2025). Keunikan biodiversiti, kekayaan budaya pelbagai etnik, dan daya tarikan semula jadi yang dimiliki menjadikan Sabah berpotensi besar untuk menarik pelancong Muslim dari dalam dan luar negara. Dalam pada itu, meskipun Sabah memiliki potensi besar dalam sektor pelancongan, usaha ke arah menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang komprehensif, masih lagi berdepan dengan pelbagai kekangan. Antara cabaran utama termasuklah keterbatasan infrastruktur mesra Muslim di lokasi popular seperti Semporna, Kundasang, dan Sandakan, premis penginapan yang tidak memaparkan pensijilan halal atau pematuhan syariah secara jelas serta ketidaksediaan pengendali pelancongan dalam memenuhi keperluan rohani pelancong Muslim (Suhailah Abd. Muin et al., 2023). Kajian oleh Balqis Ibrahim et al. (2018) turut menegaskan bahawa kejayaan dalam membangunkan pelancongan mesra Muslim bergantung kepada penyediaan infrastruktur yang memenuhi keperluan Muslim seperti kemudahan solat, makanan halal, dan penginapan patuh Syariah. Oleh itu, usaha kolaborasi antara kerajaan, pengusaha pelancongan, dan masyarakat setempat amat penting dalam memastikan pembangunan pelancongan mesra Muslim di Sabah berjalan secara komprehensif dan bersepadu.

Walaupun terdapat inisiatif seperti pembangunan Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) pelaksanaannya masih bersifat terhad dan berpusat di kawasan tertentu sahaja (Suhailah Abdul Muin et al., 2024). Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menganalisis secara holistik cabaran pelaksanaan pelancongan mesra Muslim di Sabah agar dasar, garis panduan, dan intervensi industri dapat dirangka dengan lebih strategik. Hal ini penting bukan sahaja untuk menarik pelancong Muslim domestik dan antarabangsa, tetapi juga untuk memperkukuh kedudukan Sabah sebagai destinasi pelancongan yang inklusif, beretika, dan patuh syariah di peringkat global.

Masalah Kajian

Sabah menawarkan gabungan unik antara tarikan alam semula jadi (seperti Gunung Kinabalu dan pulau-pulau tropika) serta warisan budaya masyarakat Kadazan-Dusun dan Bajau. Namun, integrasi elemen mesra Muslim dalam ekosistem pelancongan sedia ada masih terbatas. Pelancongan mesra Muslim dianggarkan bernilai USD 225 bilion secara global menjelang 2028 (Nurul Wahidah Mahmud Zahudi et al. 2024), dengan Malaysia secara konsisten menduduki tangga teratas dalam Indeks Pelancongan Muslim Global / Global Muslim Tourism Index (GMTI). Negeri Sabah, yang terkenal dengan kepelbagaian ekologi dan budaya, berpotensi menjadi hab utama pelancongan mesra Muslim di Asia Tenggara. Namun, potensi ini belum dicapai sepenuhnya akibat beberapa kekangan yang dihadapi dan prestasi di lapangan masih jauh daripada kecemerlangan tersebut.

Antara isu utama adalah kekurangan infrastruktur mesra Muslim yang seragam, seperti kemudahan makanan halal, surau, dan tandas mesra Muslim di destinasi popular seperti Semporna, Kundasang dan Sandakan, yang jelas menjejaskan pengalaman pelancong Muslim (Saiman, 2024; Pauzi & Man, 2019). Di peringkat dasar pula, meskipun kerajaan negeri telah melancarkan seminar dan ekspo halal seperti Bohex pada Februari 2025, masih wujud jurang antara dasar dan pelaksanaan nyata akibat kelemahan penguatkuasaan dan pemantauan (Balqis Ibrahim et al., 2018; *The Star*, 2025). Tambahan lagi, pengusaha kecil dan sederhana

menghadapi halangan akses kepada pensijilan halal, latihan khusus, dan modal, yang melemahkan kemampuan mereka menyediakan perkhidmatan patuh syariah (Suhailah Abdul Muin et al., 2024). Persepsi antarabangsa juga masih terhalang oleh tingginya kebimbangan terhadap isu keselamatan dan kekurangan fasiliti mesra Muslim, walaupun inisiatif seperti Bohex dan seminar *Muslim-friendly* oleh ITC telah diadakan (Lee, 2025 & *Islamic Tourism Centre*, 2022). Situasi ini menimbulkan keperluan kajian yang meneliti secara menyeluruh cabaran sistematik dari infrastruktur, penguatkuasaan dasar, kemampuan pengusaha tempatan, hingga persepsi pelancong dengan tujuan menyediakan kerangka strategi dan dasar yang bersifat holistik untuk memperkukuh Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim global. Oleh itu, usaha bersepadu melibatkan pelbagai pihak amat diperlukan bagi memperkasakan keterlibatan pengusaha tempatan dalam memperluaskan penawaran produk dan perkhidmatan mesra Muslim di Sabah.

Sorotan Kajian Lepas

Pelancongan mesra Muslim di Sabah merupakan bidang kajian yang mendapat perhatian dalam usaha mengembangkan industri pelancongan Islamik di Malaysia dan rantau Nusantara. Berikut merupakan tema-tema yang diklasifikasikan untuk kajian ini:

Konsep Pelancongan Mesra Muslim

Pelancongan mesra Muslim merujuk kepada konsep pelancongan yang menyediakan perkhidmatan, produk, dan kemudahan yang memenuhi keperluan serta kehendak pelancong Muslim selaras dengan prinsip Syariah. Konsep ini menekankan penyediaan pengalaman pelancongan yang mesra kepada pelancong Muslim tanpa menjejaskan kepercayaan, amalan ibadah, dan gaya hidup mereka. Kajian mendapati bahawa konsep ini bukan sahaja menekankan aspek makanan halal tetapi turut melibatkan hospitaliti, keselamatan, dan privasi sebagai elemen penting dalam memenuhi kehendak pelancong Muslim (Lina Munirah Kamarudin, 2018). Ini selaras dengan pandangan bahawa pelancongan mesra Muslim memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan berlandaskan nilai-nilai Islam (Hisham Sabri et al., 2022).

Prinsip asas pelancongan mesra Muslim tertumpu kepada beberapa elemen penting seperti penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, dan persekitaran mesra Muslim. Penyediaan makanan halal adalah aspek utama yang memastikan semua makanan dan minuman yang ditawarkan disediakan mengikut garis panduan syariah. Selain itu, kemudahan ibadah seperti surau, ruang solat yang selesa, dan maklumat waktu solat turut menjadi keperluan penting bagi pelancong Muslim (Nur Ammera Suhaimai & Suhaida Herni Suffarruddin, 2024). Kemudahan ini bukan sahaja memastikan keselesaan dan keselamatan pelancong Muslim dalam mengamalkan ibadah mereka sepanjang perjalanan, tetapi juga memberikan peluang kepada destinasi pelancongan untuk memperkukuhkan imej Islam secara harmoni dan menarik pelancong dari kalangan bukan Muslim yang menghargai nilai etika yang menjamin keselamatan dan keselesaan (Muhamad Zuhaili Saiman, 2024).

Persekitaran mesra Muslim pula merangkumi aspek kebersihan, keselamatan, serta pematuhan terhadap etika berpakaian dan aktiviti riadah yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam (Noor Ain Mohd Noor et al., 2023). Gabungan ketiga-tiga elemen ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan pengalaman pelancongan yang selesa dan memuaskan bagi pelancong Muslim.

Amalan Terbaik di Destinasi Pelancongan Mesra Muslim Global

Kajian kes di beberapa negara seperti Malaysia, Turki, dan Indonesia menunjukkan bahawa pelancongan mesra Muslim mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pelancongan. Malaysia diiktiraf sebagai antara destinasi pelancongan mesra Muslim terbaik di dunia melalui penyediaan perkhidmatan makanan halal, kemudahan ibadah, dan dasar kerajaan yang menyokong pembangunan industri ini (Noor Ain Mohd Noor et al., 2023). Turki pula menjadi destinasi pilihan pelancong Muslim kerana kombinasi produk pelancongan yang menawarkan warisan sejarah, persekitaran mesra Muslim, serta kemudahan ibadah yang meluas (Mohd Takiyuddin Ibrahim et al., 2020). Indonesia, sebagai negara dengan populasi Muslim terbesar di dunia, turut aktif mempromosikan pelancongan mesra Muslim melalui pembangunan destinasi halal seperti Lombok dan Aceh yang menawarkan kemudahan mesra Muslim secara menyeluruh (Nihayatu Aslamatis Solekah et al., 2023). Sebaiknya, titik permulaan penyediaan perkhidmatan pelancongan mesra muslim mestilah bermula dari terminal lapangan terbang atau pelabuhan di mana kapal berlabuh sebaik sahaja pelancong tiba ke negara yang menjadi destinasi pelancongan (Muhamad Zuhaili Saiman, 2024).

Antara faktor kejayaan pelaksanaan pelancongan mesra Muslim di negara-negara ini adalah sokongan kukuh daripada kerajaan, penyediaan infrastruktur yang lengkap, serta promosi dan pemasaran yang menarik dan berterusan di peringkat antarabangsa. Penggubalan dasar dan garis panduan yang jelas mengenai piawaian halal turut membantu memastikan pematuhan industri terhadap keperluan pelancong Muslim (Hisham Sabri et al., 2022). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaannya seperti kekurangan kesedaran di kalangan pengusaha industri, kos pensijilan halal yang tinggi, dan persepsi negatif terhadap konsep pelancongan mesra Muslim. Oleh itu, kerjasama antara kerajaan, industri pelancongan, dan komuniti tempatan amat penting dalam menangani cabaran ini serta memperkukuh daya saing industri pelancongan mesra Muslim di peringkat global (Azreen Hamiza Abdul Aziz, 2018).

Polisi dan Inisiatif Mesra Muslim di Malaysia

Kajian kes di beberapa negara seperti Malaysia, Turki, dan Indonesia menunjukkan bahawa pelancongan mesra Muslim mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pelancongan. Malaysia diiktiraf sebagai antara destinasi pelancongan mesra Muslim terbaik di dunia melalui penyediaan perkhidmatan makanan halal, kemudahan ibadah, dan dasar kerajaan yang menyokong pembangunan industri ini (Noor Ain Mohd Noor et al., 2023). Turki pula menjadi destinasi pilihan pelancong Muslim kerana kombinasi produk pelancongan yang menawarkan warisan sejarah, persekitaran mesra Muslim, serta kemudahan ibadah yang meluas (Mohd Takiyuddin Ibrahim et al., 2020). Indonesia, sebagai negara dengan populasi Muslim terbesar di dunia, turut aktif mempromosikan pelancongan mesra Muslim melalui pembangunan destinasi halal seperti Lombok dan Aceh yang menawarkan kemudahan mesra Muslim secara menyeluruh (Nihayatu Aslamatis Solekah et al., 2023).

Oleh itu, Malaysia telah mengambil langkah strategik dan polisi bagi memperkukuh konsep pelancongan mesra Muslim. Antaranya, polisi kerajaan melalui *Islamic Tourism Centre* (ITC), yang memainkan peranan penting dalam memperkasa pembangunan pelancongan mesra Muslim di Malaysia. ITC bertindak sebagai badan penyelaras dalam memperkenalkan inisiatif, promosi, dan garis panduan bagi memperkukuh daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim global (Azreen Hamiza Abdul Aziz, 2018). Penubuhan ITC juga telah menggalakkan pembangunan pelancongan mesra Muslim di Malaysia, di mana pelbagai

strategi telah dirancang dan dijalankan oleh pelbagai pihak seperti kerajaan dan juga pemain industri (Suhailah Abdul Muin et al. 2024). Melalui usaha ini, ITC memberikan bimbingan kepada pengusaha industri pelancongan serta memperkenalkan program pensijilan dan latihan bagi meningkatkan pemahaman mengenai keperluan pelancong Muslim.

Di samping itu, garis panduan pensijilan halal yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkumi aspek makanan, penginapan, dan produk pelancongan bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan menepati syariah (Hisham Sabri et al., 2022). Mana-mana premis pelancongan yang memenuhi kriteria-kriteria eplancongan mesra Muslim, makanan halal, kemudahan solat, fasiliti yang bersih serta penyampaian perkhidmatan yang patuh Syariah, akan diberikan satu pengiktirafan oleh ITC dalam satu program *Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* (MFAR) (Bernama, 2024). Walau bagaimanapun, kajian mengenai pelancongan mesra Muslim di Sabah masih lagi terhad, terutama yang menumpukan kepada cabaran pelaksanaan dan keberkesanan polisi sedia ada. Kekurangan data dan analisis mengenai cabaran pelaksanaan ini menyebabkan usaha pembangunan pelancongan mesra Muslim di Sabah kurang berfokus dan berkesan (Nihayatu Aslamatis Solekah et al., 2023). Oleh itu, kajian ini perlu meneliti aspek infrastruktur, sokongan dasar, tahap kesedaran pengusaha, serta keperluan pelancong Muslim bagi menghasilkan cadangan strategi yang lebih komprehensif (Azreen Hamiza Abdul Aziz, 2018).

Oleh yang demikian, kesemua kajian ini menunjukkan bahawa imej halal, pengalaman pengguna, dan pelaksanaan strategi perniagaan homestay adalah tiga tonggak penting yang perlu diintegrasikan dalam penyelidikan terkini. Dengan merangka kajian yang meneliti implikasi inisiatif tersebut terhadap konteks Sabah khususnya termasuk kesediaan infrastruktur, penglibatan pengusaha tempatan dan model pengiktirafan halal, kajian pada masa akan datang dapat menawarkan kerangka strategi yang menyeluruh bagi memperkukuh Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang berdaya saing.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan penyelidikan kualitatif digunakan kerana ia sesuai untuk memahami secara mendalam isu-isu yang bersifat kontekstual, kompleks dan memerlukan interpretasi makna khususnya berkaitan dengan cabaran pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah. Kaedah ini membolehkan pengkaji menggali maklumat secara menyeluruh dan interpretatif daripada dokumen, polisi, dan artikel ilmiah bagi memahami kefahaman, dasar, serta pelaksanaan semasa berkaitan pelancongan mesra Muslim. Pendekatan ini amat sesuai kerana isu yang dikaji bukan bersifat kuantitatif atau statistik semata-mata, tetapi memerlukan penilaian menyeluruh terhadap kandungan dasar, persepsi, keperluan pengguna serta trend pelaksanaan. Justeru itu, kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh melalui analisis kandungan dan dokumen.

Maka dengan itu, pengaplikasian kaedah kualitatif ini membolehkan kajian melihat secara lebih kritikal terhadap bagaimana Sabah melaksanakan pelancongan mesra Muslim, sejauh mana dasar dilaksanakan, serta apakah kekangan utama. Pendekatan ini juga membolehkan cadangan yang dihasilkan benar-benar berasaskan data realiti semasa dan refleksi industri. Keseluruhan dapatan yang diperolehi dianalisis bagi membentuk perbincangan holistik berkaitan cabaran dalam memastikan perkhidmatan pelancongan mesra Muslim memenuhi keperluan pelancong Muslim secara menyeluruh.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian ini dibentangkan dalam bentuk tema-tema utama yang diperoleh melalui analisis kandungan terhadap sumber-sumber sekunder seperti artikel jurnal, dokumen dasar, laporan kerajaan, dan liputan media. Tiga tema utama yang dikenalpasti ialah: (i) cabaran operasi, (ii) cabaran polisi dan peraturan, dan (iii) cabaran persepsi pelancong Muslim.

Cabaran Operasi

Cabaran utama dalam pelaksanaan pelancongan mesra Muslim di Sabah berkait rapat dengan penyediaan kemudahan asas seperti makanan halal dan surau di destinasi pelancongan. Walaupun permintaan terhadap makanan halal semakin meningkat, kekurangan premis makanan yang mempunyai pensijilan halal, terutamanya di kawasan luar bandar dan lokasi eko-pelancongan, masih menjadi isu yang ketara. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan pelancong Muslim terhadap kehalalan makanan yang disediakan tetapi juga menghadkan pilihan mereka ketika melancong. Dengan erti kata lain, destinasi yang berjaya memastikan semua restoran, kafe dan penyediaan makanan di destinasi tersebut mematuhi piawaian halal, akan memberikan kenyaian kepada pelancong Muslim.

Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa selain makanan, keperluan lain terhadap infrastruktur halal seperti ~~makanan dan~~ kemudahan solat juga memainkan peranan penting dalam menarik pelancong Muslim ke ~~sesuatu~~ destinasi (Suhailah Abdul Muina et al., 2024). Kekurangan surau yang selesa dan mencukupi di kawasan tumpuan pelancong turut memberi kesan kepada pengalaman pelancongan mereka. Ini kerana ketiadaan kemudahan ibadah yang memadai boleh menyebabkan pelancong Muslim terpaksa mencari alternatif yang kurang sesuai atau menanggungkan ibadah mereka, yang akhirnya menjejaskan kepuasan keseluruhan mereka terhadap pengalaman pelancongan. Oleh itu, destinasi seharusnya menyediakan pakej pelancongan yang mengambil kira jadual solat, untuk memastikan bahawa pelancong Muslim dapat menunaikan kewajipan agama tanpa mengganggu keseronokan percutian.

Di samping itu, cabaran kewangan dan kekangan sumber manusia menjadi faktor yang membantutkan pembangunan pelancongan mesra Muslim di Sabah. Ramai pengusaha kecil dan sederhana (PKS) menghadapi kesukaran mendapatkan modal untuk membangunkan infrastruktur mesra Muslim, seperti ruang solat dan restoran halal yang memenuhi piawaian pensijilan halal. Kekurangan dana ini sering dikaitkan dengan tahap kesedaran yang masih rendah dalam kalangan pihak berkepentingan mengenai kepentingan pasaran pelancongan Muslim, yang semakin berkembang pesat di peringkat global (Azreen Hamiza Abdul Aziz, 2018).

Selain itu, cabaran sumber manusia juga berkaitan dengan kekurangan tenaga kerja yang terlatih dalam bidang hospitaliti mesra Muslim dan pengetahuan mengenai pensijilan halal. Tanpa latihan yang mencukupi, pengusaha tempatan menghadapi kesukaran dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti yang memenuhi keperluan pelancong Muslim, sekali gus menjejaskan daya saing Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim.

Untuk menangani cabaran ini, kerjasama antara pihak kerajaan, pemain industri, dan institusi latihan amat diperlukan bagi memperkukuhkan ekosistem pelancongan mesra Muslim di Sabah. Sokongan kewangan dalam bentuk insentif atau geran boleh membantu pengusaha tempatan meningkatkan kemudahan halal dan menyediakan latihan kepada tenaga kerja dalam industri hospitaliti.

Selain itu, pengukuhan pensijilan halal melalui program bimbingan dan pemantauan berkala boleh meningkatkan keyakinan pelancong Muslim terhadap kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Kajian oleh Noor Ain Mohd Noor et al. (2023) menunjukkan bahawa Malaysia telah berjaya menarik lebih ramai pelancong Muslim melalui pengukuhan standard halal dan promosi destinasi yang menonjolkan kepatuhan terhadap prinsip Syariah. Oleh itu, pendekatan holistik yang menggabungkan pembangunan infrastruktur, latihan sumber manusia, dan pengukuhan standard halal perlu diperkasakan bagi menjadikan Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang lebih kompetitif di peringkat global.

Cabaran Polisi dan Peraturan

MS2610 merupakan satu garis panduan khusus bagi pelaksanaan pelancongan mesra Muslim namun perlaksanaannya adalah secara sukarelawan. Jadi, wajarlah pengusaha pelancongan masih kekurangan pemahaman menyeluruh mengenai keperluan pelancongan mesra Muslim. Justeru, perlaksanaannya di Sabah juga menunjukkan jurang dasar yang ketara dalam sektor pelancongan. Walaupun Malaysia telah mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan halal terkemuka di peringkat global, keperluan untuk menyesuaikan dasar dengan keadaan tempatan masih belum diberi perhatian sewajarnya. Sabah, sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan keunikan budaya dan alam semula jadi, memerlukan rangka kerja khusus yang merangkumi aspek penyediaan makanan halal, fasiliti ibadah, serta pengalaman pelancongan yang selaras dengan prinsip Islam. Kajian Mohd Takiyuddin et al., (2020) menunjukkan bahawa kejelasan polisi dan garis panduan memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan yang sistematik dan berkesan bagi pembangunan pelancongan mesra Muslim. Oleh itu, perlaksanaan panduan MS2610 secara sukaralewan dan penyebaran maklumat pelancongan halal yang masih belum meluas dan terperinci bukan sahaja menyukarkan pihak industri tetapi juga menjejaskan keyakinan pelancong Muslim terhadap keupayaan Sabah dalam menyediakan pengalaman pelancongan yang patuh Syariah. Kekurangan inilah yang menyebabkan pengurusan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan tidak sepenuhnya memenuhi mesra Muslim.

Selain kekangan dasar, cabaran berkaitan pensijilan halal dan pelesenan juga menghambat perkembangan sektor pelancongan mesra Muslim di Sabah. Isu ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengusaha industri perhotelan dan restoran tetapi juga kepada ekosistem pelancongan secara keseluruhan. Proses pensijilan halal yang kompleks dan memakan masa menyebabkan banyak ~~pengusaha kecil dan sederhana (PKS)~~ tidak mampu memenuhi syarat yang ditetapkan, seterusnya menghalang mereka daripada menembusi pasaran pelancongan halal. Kajian Norhidayah Pauzi dan Saadan Man (2023) menunjukkan bahawa faktor kos yang tinggi dan prosedur birokrasi yang berbelit menjadi antara sebab utama pengusaha enggan atau gagal mendapatkan pensijilan halal bagi premis mereka. Tanpa pensijilan halal ini, tahap keyakinan pelancong Muslim terhadap kesahihan status halal sesuatu produk atau perkhidmatan turut terjejas, sekali gus menjejaskan potensi Sabah dalam menarik pelancong dari pasaran pelancongan halal global.

Dalam menghadapi cabaran ini, beberapa langkah strategik perlu diambil bagi memastikan pelancongan mesra Muslim di Sabah dapat berkembang secara mampan. Kerjasama erat antara kerajaan, pihak berkuasa, pemain industri, serta institusi keagamaan perlu diperkukuhkan bagi memudahkan penggubalan garis panduan yang lebih jelas dan mudah diakses oleh pengusaha pelancongan. Selain itu, mekanisme pensijilan halal perlu diperbaiki dengan mengurangkan beban birokrasi serta menyediakan insentif kepada PKS bagi menggalakkan pematuhan kepada

piawaian halal. Beberapa negara yang telah berjaya dalam pembangunan pelancongan mesra Muslim, seperti Jepun dan Korea Selatan, menunjukkan bahawa sokongan kerajaan dalam bentuk subsidi, latihan, serta promosi strategik dapat meningkatkan keterlibatan sektor swasta dalam inisiatif pelancongan halal (Azreen Hamiza, 2018). Oleh itu, Sabah perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif bagi memastikan dasar dan pelaksanaan pelancongan mesra Muslim dapat berkembang secara holistik serta memberikan impak positif kepada ekonomi dan imej negeri sebagai destinasi mesra Muslim yang kompetitif.

Cabaran Persepsi Pelancong Muslim

Persepsi pelancong Muslim terhadap kemudahan mesra Muslim memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan destinasi dan penginapan. Jadi, tidaklah mustahil persepsi pelancongan Muslim ini juga akan merupakan indikator penting dalam menilai keberkesanan inisiatif pelancongan mesra Muslim di Sabah. Tahap kepuasan yang sederhana terhadap penyediaan makanan halal dan kemudahan ibadah menunjukkan wujudnya jurang dalam pemenuhan keperluan pelancong Muslim, terutamanya di kawasan luar bandar dan lokasi eko-pelancongan. Kajian terdahulu menekankan bahawa kemudahan seperti restoran halal, surau, dan tandas mesra Muslim adalah elemen asas yang menjadi faktor penarik bagi pelancong Muslim (Wan Khairuldin et al., 2023). Kekurangan penyediaan kemudahan ini bukan sahaja menjejaskan pengalaman pelancong tetapi juga memberi kesan negatif terhadap daya saing Sabah dalam pasaran pelancongan halal global. Oleh itu, penambahbaikan infrastruktur pelancongan yang menekankan kemudahan mesra Muslim perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan daya tarikan Sabah sebagai destinasi pilihan pelancong Muslim.

Selain kemudahan asas, pelancong Muslim semakin menuntut perkhidmatan tambahan yang memenuhi keperluan gaya hidup mereka semasa bercuti, seperti pemandu pelancong Muslim yang berpengetahuan tentang keperluan halal dan Syariah. Kajian menunjukkan bahawa kehadiran pemandu pelancong Muslim dapat meningkatkan tahap kepuasan pelancong kerana mereka bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai maklumat, tetapi juga bertindak sebagai fasilitator dalam membantu pelancong mengenal pasti restoran halal, lokasi ibadah, dan waktu solat (Nur Ammera & Suhaida Herni, 2024). Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga mahir dalam sektor ini di Sabah menjadi cabaran yang membatasi ketersediaan perkhidmatan ini secara meluas. Justeru, latihan dan pembangunan modal insan yang khusus dalam bidang pelancongan mesra Muslim perlu diperkenalkan bagi meningkatkan bilangan pemandu pelancong Muslim yang kompeten.

Tambahan pula, usaha memperkukuh imej Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim perlu disokong dengan penggunaan teknologi digital untuk memudahkan akses kepada maklumat mengenai kemudahan mesra Muslim. Aplikasi mudah alih yang menyediakan direktori restoran halal, lokasi surau, serta jadual waktu solat mampu meningkatkan kemudahan akses pelancong Muslim semasa berada di destinasi (Suhaida Herni Suffarruddin et al., 2024). Inovasi ini bukan sahaja memudahkan pelancong mendapatkan maklumat secara sendiri, tetapi juga meningkatkan pengalaman pelancongan secara keseluruhan. Kerjasama antara kerajaan, pengusaha pelancongan, dan penyedia teknologi perlu diperkukuh bagi memastikan pembangunan ekosistem digital yang menyokong pelancongan mesra Muslim di Sabah. Langkah ini bukan sahaja memperbaiki persepsi pelancong Muslim terhadap Sabah tetapi juga meletakkan negeri ini sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim yang lebih berdaya saing di peringkat global.

Implikasi Kajian

Implikasi kepada Pembangunan Industri

Pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah berpotensi menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai destinasi pelancongan halal serantau, khususnya dalam kalangan negara Islam seperti Indonesia, Brunei, dan negara-negara Timur Tengah. Peningkatan permintaan terhadap destinasi yang memenuhi keperluan patuh syariah telah dikenal pasti sebagai salah satu trend global dalam sektor pelancongan (Noor Ain Mohd Noor et al., 2023). Sabah, dengan kekayaan sumber alam dan kepelbagaian budaya, memiliki potensi besar untuk memenuhi permintaan ini sekiranya infrastruktur dan perkhidmatan mesra Muslim dapat disediakan secara menyeluruh. Penambahbaikan kemudahan seperti restoran halal, tempat ibadah, serta penginapan patuh syariah mampu meningkatkan daya saing Sabah dalam pasaran pelancongan halal global, sekali gus memperluaskan segmen pelancong yang memilih negeri ini sebagai destinasi percutian. Selain menarik pelancong antarabangsa, pembangunan pelancongan mesra Muslim turut memberi impak positif terhadap ekonomi tempatan melalui peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan mesra Muslim. Kajian menunjukkan bahawa peningkatan dalam aktiviti pelancongan halal mampu merangsang pertumbuhan ~~perniagaan kecil dan sederhana~~ PKS dalam sektor makanan halal, pengangkutan, dan penginapan (Muhamad Zuhaili Saiman, 2023). Peningkatan permintaan ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, tetapi juga memperkasakan ekonomi komuniti tempatan melalui penglibatan lebih aktif dalam rantaian bekalan pelancongan mesra Muslim. Keadaan ini selaras dengan matlamat pembangunan mampan yang menekankan pemerkasaan ekonomi tempatan serta peningkatan kesejahteraan masyarakat.

Namun begitu, pelaksanaan konsep ini memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kerajaan negeri, pengusaha pelancongan, dan institusi keagamaan. Latihan dan pembangunan kapasiti pengusaha pelancongan dalam penyediaan perkhidmatan mesra Muslim perlu diperkasakan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Inisiatif seperti kursus pensijilan halal, latihan pemandu pelancong Muslim, dan program kesedaran mengenai amalan mesra Muslim boleh memperkukuh keupayaan sektor pelancongan tempatan dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim secara lebih berkesan (Hisham Sabri et al., 2022).

Implikasi kepada Polisi

Implikasi kajian terhadap polisi menekankan kepentingan penyelarasan dasar pelancongan mesra Muslim di peringkat negeri dan nasional bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya di Sabah. Walaupun Malaysia telah memperkenalkan beberapa inisiatif berkaitan pelancongan halal, seperti standard MS 2610:2015 untuk perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim, garis panduan ini perlu disesuaikan dengan konteks setempat di Sabah bagi menangani cabaran unik seperti lokasi terpencil, ekopelancongan, dan komuniti luar bandar (Hisham Sabri et al., 2022). Polisi yang bersifat *top-down* tanpa mengambil kira keperluan setempat sering menjadi halangan kepada pelaksanaan berkesan, terutamanya dalam memastikan pematuhan di kalangan pengusaha kecil dan sederhana. Penyelarasan polisi juga perlu merangkumi aspek penyediaan insentif dan sokongan kewangan kepada pengusaha kecil dan sederhana yang ingin memperoleh pensijilan halal. Kajian menunjukkan bahawa kos pensijilan halal serta kekangan birokrasi sering menjadi halangan utama kepada pengusaha kecil untuk mematuhi standard halal (Norhidayah Pauzi & Saadan Man, 2023). Oleh itu, kerajaan negeri perlu

memperkenalkan skim bantuan kewangan, pengecualian yuran pensijilan, dan program bimbingan bagi membantu pengusaha tempatan memenuhi keperluan pensijilan halal.

Selain itu, penyediaan garis panduan khusus bagi pelaksanaan pelancongan mesra Muslim di Sabah perlu digubal secara komprehensif. Garis panduan ini perlu merangkumi aspek pensijilan halal, kemudahan ibadah, dan perkhidmatan mesra Muslim di seluruh rantaian bekalan pelancongan. Model garis panduan yang berasaskan pendekatan *Public-Private Partnership* (PPP) seperti yang diamalkan di Jepun dan Korea Selatan telah terbukti berjaya dalam memperkukuh sektor pelancongan mesra Muslim (Azreen Hamiza, 2018). Oleh itu, kerjasama erat antara kerajaan negeri, pengusaha pelancongan, dan komuniti tempatan adalah kunci kepada kejayaan pelaksanaan garis panduan ini.

Implikasi kepada Pembangunan Komuniti

Pembangunan pelancongan mesra Muslim turut memberikan implikasi positif kepada pembangunan komuniti tempatan melalui penglibatan langsung masyarakat dalam aktiviti pelancongan. Peningkatan permintaan terhadap makanan halal, penginapan patuh syariah, dan pemandu pelancong Muslim membuka peluang baharu kepada komuniti tempatan untuk terlibat secara aktif dalam rantaian nilai pelancongan (Suhaida Herni Suffarruddin et al., 2024). Model pelancongan berasaskan komuniti (*Community-Based Tourism*) yang menekankan penglibatan masyarakat dalam penyediaan perkhidmatan mesra Muslim mampu memperkukuh hubungan sosial, meningkatkan taraf ekonomi, dan melestarikan warisan budaya tempatan. Walau bagaimanapun, keberkesanan pembangunan komuniti ini bergantung kepada tahap kesedaran, kemahiran, dan pengetahuan komuniti mengenai amalan mesra Muslim. Oleh itu, program latihan dan pendidikan perlu diperkenalkan bagi memperkasakan komuniti tempatan dalam penyediaan perkhidmatan mesra Muslim. Program seperti latihan pensijilan halal, kursus keusahawanan, dan bengkel kesedaran pelancongan mesra Muslim dapat memperkukuh kapasiti komuniti dalam menyertai dan memanfaatkan peluang ekonomi yang ditawarkan oleh pelancongan mesra Muslim.

Di samping itu, model pelancongan mesra Muslim yang berasaskan komuniti mampu memperkukuh pemeliharaan warisan budaya dan alam sekitar melalui pelaksanaan prinsip ***eco-halal tourism*** yang menekankan kelestarian alam sekitar selaras dengan ajaran Islam (Wan Khairuldin et al., 2023). Gabungan pendekatan mesra Muslim dan kelestarian ini bukan sahaja memperkukuh daya saing Sabah sebagai destinasi pelancongan halal, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih inklusif dan mampan.

Implikasi kajian ini menegaskan bahawa pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan industri, polisi, dan komuniti tempatan. Peningkatan jumlah pelancong Muslim, pertumbuhan ekonomi tempatan, serta pemerdayaan komuniti adalah antara manfaat utama yang boleh dicapai sekiranya strategi pelaksanaan yang komprehensif dan bersepadu diterapkan. Kerjasama antara pihak berkuasa, pengusaha industri, dan masyarakat setempat adalah elemen kritikal dalam memastikan kejayaan pelaksanaan konsep ini. Sabah berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan mesra Muslim yang kompetitif di peringkat serantau dan antarabangsa sekiranya cabaran yang dikenalpasti dapat ditangani secara strategik dan holistik.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pelaksanaan konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah berpotensi besar dalam memperkukuh pembangunan industri pelancongan negeri, selaras dengan peningkatan permintaan global terhadap destinasi yang menepati keperluan pelancong Muslim. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan beberapa cabaran utama yang perlu ditangani sekali gus akan memberi kesan terhadap daya saing Sabah sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim, khususnya dalam menarik pasaran pelancong Muslim dari peringkat serantau dan antarabangsa. Secara keseluruhan, objektif kajian ini telah berjaya dicapai dengan menganalisis secara mendalam cabaran pelaksanaan dan mengenal pasti implikasi terhadap pembangunan industri pelancongan. Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada penggunaan data sekunder tanpa melibatkan data lapangan seperti temubual atau soal selidik, dan tidak menilai impak ekonomi secara langsung. Kekangan ini sedikit sebanyak mengehadkan pemahaman menyeluruh terhadap pelaksanaan sebenar konsep pelancongan mesra Muslim di Sabah. Dari segi sumbangan, kajian ini memberikan nilai tambah kepada bidang akademik dengan memperluas wacana pelancongan Islam dalam konteks Borneo, khususnya Sabah. Manakala dari aspek dasar dan pelaksanaan, dapatan ini memberi panduan yang berguna kepada pembuat polisi, agensi pelancongan, dan pengusaha tempatan dalam memperkembangkan strategi pelaksanaan pelancongan mesra Muslim yang lebih menyeluruh. Bagi kajian masa hadapan, disarankan agar pendekatan lapangan dijalankan untuk menilai persepsi pelancong dan pengusaha secara langsung, di samping meneroka peranan teknologi digital seperti aplikasi halal, sistem tempahan mesra Muslim dan promosi digital dalam memperkukuh kedudukan Sabah sebagai destinasi pelancongan Islamik yang mampan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai dan pasukan editorial atas maklum balas serta komen membina yang telah membantu menambah baik kualiti artikel ini. Penghargaan turut ditujukan kepada penulis bersama untuk artikel ini di atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Kajian ini dilaksanakan secara bebas dan tidak menerima sebarang geran khas daripada agensi pembiayaan awam, swasta atau badan bukan berasaskan keuntungan.

Rujukan

- Ahmed, H.M. (2024). Malaysia Becomes Top Destination for Muslim Tourists. dalam *Halal Times*, 18 Okt 2024: <https://www.halaltimes.com/malaysia-becomes-top-destination-muslim-tourists/>
- Abdul Muin, S., Abdullah, M. N. A., Rusdi, M., M. Ag, M., & Samuni, N. (2024). Strategi Pengembangan Pelancongan Islamik Di Nusantara Melalui Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) Di Sabah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(3), 41–58. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n3.688>
- Adinugraha, H. H., Nasarruddin, R. B., Andrean, R., & Shulthoni, M. (2023). Halal Tourism In Malaysia: Its Development And Strategy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10 (1), 93–98. <https://doi.org/10.5281/zenodo.8151093>
- Ali, I. M., Mohd Radzuan, N. A., Mat Yasin, M. F., Wan Hamdan, W. S. Z., & Hassin, M. A. (2022). Sustainable Facilities Management For Muslim-Friendly Tourism And Hospitality. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12 (11), 166-186. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i11/14885>

- Ariff Irshad, Z. F., Sahari, N. H., & Husna, A. (2023). The Concept Of Muslim-Friendly Tourism And Its Implementation In Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27 (2), 68-79. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.484>
- Aziz, A. H. B. A. (2018). Muslim Friendly Tourism: Concept, Practices And Challenges In Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (11), 355–363. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i11/4908>
- Bernama. (2024). ITC perkasa konsep pelancongan mesra Muslim, didampingi pemain industri antarabangsa. *Astro Awani*, 12.11.2024, dimuatnaik dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/itc-perkasa-konsep-pelancongan-mesra-muslim-didampingi-pemain-industri-antarabangsa-495893>
- Cader, I. A., Jamaludin, M. A., & Kartika, B. (2024). Muslim-Friendly Tourism In Australia: Challenges And Prospects. *International Journal of Tourism and Hospitality Research*, 4 (2), 59-65.
- Cuesta-Valiño, P., Bolifa, F., & Núñez-Barriopedro, E. (2020). Sustainable, Smart And Muslim-Friendly Tourist Destinations. *Sustainability*, 12(5), 1778. <https://doi.org/10.3390/su12051778>
- Hairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Imas, M. M., Mohammad, M., & Lukman, N. H. Z. (2023). Integration Of Islamic Values In Ecotourism Muslim-Friendly In Terengganu: A Case Study Of Tasik Kenyir. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(3), 1–13. <https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.3.873>
- Ibrahim, M. T. B., Tengku A. Razak, T. M. B., Ismail, H. H., Ahmad, M. R., Sahroni, M. N., & Mustaffa, M. A. (2020). Kepatuhan Syariah Dalam Pelancongan Alam Semulajadi. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 205–220.
- Islamic Tourism Centre. (2022, April 12). *Sabah shows potential in Muslim-friendly tourism and hospitality sector*. ITC News. Retrieved from <https://www.itc.gov.my/sabah-shows-potential-in-muslim-friendly-tourism-and-hospitality-sector>
- Lee, S. (2025, January 10). *Sabah to host halal expo from Feb 5 to 9*. The Star. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/10/sabah-to-host-halal-expo-from-feb-5-to-9>
- Mazlan, N., Izham, S. S. B., & Ahmadun, M. B. (2023). Muslim-Friendly Hotels As Islamic Tourism Products: Issues And Challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(2), 222-235.
- Md Salleh, N. Z., Md Nor, R., Mohd Azmin, N. A., Samori, Z., & Anas, N. (2023). Exploring Challenges In Providing Muslim-Friendly Tourism Services In Northern Japan: A Case Study In Akita Prefecture. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 42-53.
- Suhailah .Abd Muin., Abdullah, M.N.A., Rusdi, M., Ag. M.M., & Samuni, N. (2024). Strategi Pengembangan Pelancongan Islamik di Nusantara Melalui Model Homestay Patuh Syariah (MHPS) di Sabah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(3), 41 – 58. DOI: 1.11113/umran2024.11n3.688.
- Noor, N. A. M., Yusuf, N., Amiruddin, N. A., & Hamdan, N. (2023). Pelancongan halal: Konsep dan pengamalannya di Malaysia. *Journal of Multidisciplinary Islamic*, 3(2), 53–57.
- Nurrachmi, R. (2019). The Potential Industry of Islamic Tourism in ASEAN Countries. *International Journal of Islamic Business Ethics*, 4(2), 627-639. <http://dx.doi.org/10.30659/ijibe.4.2.627-639>

- Pauzi, N., & Man, S. (2019). The Challenges And Elements Of Local Wisdom In Malaysia Halal Certification. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 165–190.
- Peristiwo, H. (2020). Indonesian and Malaysian potential for a Halal Tourism Industry. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 9(1), 1-16.
- Sabri, H., Mustafa, L., Khairi, K. F., Ali Basah, M. Y., Abu Seman, J., & Mohamad Anwar, N. A. (2022). Kriteria Penginapan Dalam Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (PHMM) Bagi Sektor Pelancongan Di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1), 22–36.
- Saiman, M. Z. (2024). Kepentingan Perkhidmatan Pelancongan Mesra Muslim Di Malaysia. *Ulum Islamiyyah Journal*, 36(2), 187–197.
- Solekah, N. A., Handriana, T., & Usman, I. (2023). Understanding Muslim Friendly Destination Attribute Towards Environmentally Sustainable Behavior. *International Journal of Business and Society*, 24(3), 652–663.
- Suffarruddin, S. H., Mohd Anim, N. A. H., & Mohd Najib, N. (2024). Pelaksanaan inovasi dalam program homestay: Ke arah destinasi mesra Muslim. *International Journal of Islamic Business*, 9(2), 1–10. <https://doi.org/10.32890/ijib2024.9.2.1>
- Suhaimai, N. A., & Suffarruddin, S. H. (2024). Kerangka konsep penginapan pelancongan mesra Muslim bagi program pengalaman homestay di Malaysia. *The 11th Islamic Banking, Accounting & Finance International Conference*, 259–263.
- Suherlan, A., Amalia, & Haribowo, I. (2021). Issues And Challenges On Implementing Concept Of Halal Tourism Destination In Indonesia. *American Journal of Multidisciplinary Research & Development (AJMRD)*, 3(6), 1–15.
- Widodo, S., Situmorang, S. H., Lubis, A. N., & Lumbanraja, P. (2023). Halal Tourism: Development, Challenges And Opportunities. *Frontiers in Business and Economics*, 1(2), 50–58. <https://doi.org/10.56225/finbe.v1i2.85>
- Zahudi N.W.M., Jaafar, N.H., Adzmi, A.M. (2024). Pelancongan Halal: Tiang Kebangkitan Budaya dan Ekonomi Malaysia, dlm *Buletin TV3*, 19 Nov 2024: <https://www.buletintv3.my/nasional/pelancongan-halal-tiang-kebangkitan-budaya-dan-ekonomi-malaysia/>